

Lebih 8,000 koleksi cenderahati dipamerkan

LANGKAWI: Lebih 8,000 koleksi cenderahati termasuk kereta mewah dan barang perhiasan berharga yang dihadiahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan dipamerkan di pusat pameran yang akan dibina di sini tidak lama lagi.

Dr Mahathir berkata pusat pameran yang belum ditetapkan namanya, akan dibina oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di Kilim, di sini.

Beliau berkata, sebuah pusat khusus perlu dibina bagi menempatkan barang itu kerana banyak cenderahati yang ada dalam simpanannya termasuk perhiasan yang diterima daripada negara asing.

"Saya anggap (cenderahati) ini sebagai milik kerajaan tetapi kalau disimpan saja tidak ada guna. Jadi, dengan kerana itu saya fikir kalau kita pameran bagi orang tengok bagus juga," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata pameran itu bukan satu perkara unik kerana pemimpin negara lain juga memamerkan barang seperti itu untuk tontonan umum.

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata: "Biasanya apabila orang (pemimpin) sudah meninggal.. kita tunjukkan. Tapi nak

tunggu (saya meninggal) lambat sangat, bukanlah lambat... tak tahulah."

Beliau yang sedang dalam rangka lawatan peribadi ke sini selama tiga hari, berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan pameran beberapa cenderahati yang dihadiahkan kepadanya di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), di sini, semalam.

Turut mengiringi beliau ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Usahawan Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Datuk Abu Bakar Taib.

Antara cenderahati yang dipamerkan ialah sembilan kereta mewah, lukisan, barang antik, replika bangunan bersejarah, senjata-senjata lama, gambar pemandangan dan perkasas yang diperbuat daripada perak.

Pusat pameran sementara kini ditempatkan di MIEC, bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat, di sini sejak beberapa bulan lalu dan pernah dikunjungi Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, tidak lama dulu.